

## PRESS CLIPPING

---

**DATE** : FEBRUARY 3, 2021  
**MEDIA** : BERITA HARIAN  
**SECTION** : BISNES  
**PAGE** : 37  
**COLOUR** : FULL COLOUR

---

# Boustead tak dijadikan syarikat persendirian

**Lembaga** Tabung Angkatan Tentera (LTAT) memutuskan tidak akan meneruskan cadangan menjadikan Boustead Holdings Bhd sebagai syarikat persendirian.

Dalam satu kenyataan, LTAT berkata keputusan itu dibuat selepas penilaian berhati-hati dilakukan membabitkan pelbagai faktor dalam melaksanakan cadangan berkenaan.

“Memandangkan persekitaran ekonomi mencabar yang berterusan akibat peningkatan COVID-19 dan pelaksanaan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), termasuk peningkatan risiko serta ketidaktentuan bagi menjayakan cadangan ini, LTAT memutuskan untuk tidak meneruskan cadangan ini buat masa ini,” katanya.

Mei tahun lalu, LTAT mempertimbangkan pilihan mengenai penguasaan kepentingannya dalam Boustead, termasuk dengan menjadikan konglomerat itu syarikat persendirian

LTAT, yang memegang 59 pe-

ratus kepentingan dalam Boustead, menerima kelulusan untuk pinjaman bagi membiayai urus niaga berkenaan.

Potensi menjadikan Boustead syarikat persendirian muncul susulan usaha penstrukturan semula LTAT di tengah-tengah cabaran prestasi yang dicituskan oleh krisis COVID-19.

Antara pegangan LTAT terbesar adalah kepentingan dalam Boustead dan 35 peratus kepentingan dalam Affin Bank Bhd, berdasarkan data yang diperolehi Bloomberg.

Sementara itu, LTAT berkata, sebagai pemegang saham terbesar Boustead, ia akan terus menyokong pelan syarikat berkenaan melaksanakan rancangan pemulihan serta strategi pertumbuhannya.

“LTAT akan terus mengkaji semula pilihan selaras dengan objektif melindungi dan meningkatkan nilai aset di bawah portfolio, selain meningkatkan pulangan jangka panjang kepada pencarum,” katanya.